

CNS5522

I! GB 05-12 00135 BH258

nab

Mahn-thir - MIC

MALAYSIA BERI PERHATIAN BERAT MENGENAI KEADILAN SOSIAL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Monamad berkata Malaysia adalah satu-satunya negara demokratik di dunia yang memberi perhatian berat terhadap keadilan sosial kepada penduduk kebanyak kaum.

Perdana Menteri berkata, dengan mengamalkan prinsip keadilan bagi semua kaum, Malaysia bukan sahaja berjaya menyatupadukan rakyatnya tetapi juga mampu mewujudkan kestabilan politik bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

+Dengan menjamin kewujudan keadilan sosial ini, tidak ada kaum yang merasakan dirinya diasingkan atau diketepikan atau dihalang daripada mencapai kejayaan.. semua kaum bebas merebut peluang perniagaan dan mengumpul kekayaan secara halal,+ katanya ketika berucap merasmikan perhimpunan agung MIC di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, rakyat negara ini bernasib baik kerana ekonomi Malaysia tumbuh pada kadar yang menggalakkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, walaupun ekonomi dunia pada keseluruhannya mengalami kelembapan.

+Pada hari ini Malaysia merupakan sebuah negara yang ekonominya mengalami pertumbuhan paling pesat di rantau ini...itulah sebabnya kita telah dapat membentangkan belanjawan negara yang pada keseluruhannya memberi manfaat kepada rakyat,+ katanya, -- Lagi

▼05/12/14-20MST

U GB 05-12 003.55 BH259

'aab

Mahathir' - MIC 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, kejayaan Malaysia menguruskan ekonomi negara dengan baik, yang mengagumkan ramai pakar ekonomi dunia dan banyak negara terutamanya negara 'membangun, merupakan pencapaian besar kerajaan Barisan Nasional (BN) .

Faktor utama yang akan menjamin ekonomi negara terus berkembang dengan menggalakkan ialah keamanan dan kestabilan politik negara dan perkara ini harus sentiasa dipelihara, katanya.

Beliau berkata, kerajaan mengakui bahawa kemiskinan masih wujud di Malaysia tetapi keadaan itu agak ganjil kerana peluang pekerjaan banyak terdapat di negara ini sehingga terpaksa menerima pekerja asing untuk meneruskan pertumbuhan ekonomi .

+Parti-parti politik harus memainkan peranan dalam menggalakkan rakyat Malaysia merebut peluang-peluang pekerjaan dan bekerja keras. Dengan cara ini matlamat kerajaan BN untuk menghapuskan kemiskinan akan tercapai, + katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengambil langkah-langkah bagi menentukan tidak wujud lagi masyarakat yang ekonominya mundur dalam usaha menjadikan Malaysia bertaraf negara maju. -- Lagi

▼05/12/14-30MST

aab

Mahathir - MIC 3 Kuala Lumpur

+Ini tidak pula bermakna setiap rakyat akan mempunyai pendapatan yang sama. Keadaan ini tidak mungkin tercapai kerana tiap seorang daripada kita mempunyai keupayaan dan kebolehan yang berbeza, +katanya.

Sebenarnya kesamarataan pendapatan bagi setiap individu seperti yang disarankan oleh sistem sosialis atau komunis bukan sahaja tidak mungkin dicapai tetapi ia akan menjadikan semua pihak miskin.

+Kerajaan yakin melalui penyediaan lebih banyak khidmat sosial seperti klinik dan sekolah serta infrastruktur seperti jalan, bekalan elektrik dan air yang saksama, usaha memperkecilkan jurang pendapatan kelompok etnik boleh dicapai, + kata Dr Mahathir.

Kerajaan juga akan terus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyatnya dan berkeyakinan usaha mengurangkan kemiskinan dan mengecilkan jurang pendapatan kelompok etnik akan berjaya kerana ekonomi negara dijangka masih mampu berkembang dengan menggalakkan.

+Dengan ini kck ekonomi akan membesar dan dapat diagihkan secara saksama kepada semua kaum, + katanya.-- Lagi

▼05/12/14-38MST

UGB 05-12 001.73 BH262

aab

Mahathir - MIC 4 Kuala Lumpur

Beliau berharap tidak akan ada kaum di negara ini yang menerima budaya sindrom pergantungan, sungguhpun kerajaan banyak menyediakan bantuan kepada rakyat dalam hubungan itu, kerana ia akan melemahkan kaum itu sendiri serta bangsa Malaysia pada amnya.

+Dasar dan pendekatan kerajaan terbukti mampu dan tepat untuk pembangunan negara tetapi ia dengan sendirinya tidak akan mendatangkan kejayaan. Tidak kurang pentingnya ialah sambutan rakyat dan semangat mereka untuk menjayakan diri. .. di sinilah terletak peranan parti seperti MIC yang mewakili kaum India, +katanya.

Perdana Menteri berkata, masa depan kaum India di negara ini adalah terjamin di bawah BN kerana hanya parti itu yang dapat memestikan kepentingan mereka tidak diabaikan.

Rakyat negara ini patut menjauhi sebarang politik yang ekstrim kerana kejayaan BN dalam menentukan semua kaum hidup harmonis dan bersatu padu ialah kerana sikap kesederhanaan pemimpin dan para anggotanya.

+Kita hendaklah menolak dan menentang sebarang bentuk politik yang ekstrim...sebarang bentuk ektrimisme hanya akan menjejaskan kestabilan dan kemakmuran negara.-- Lagi

▼05/12/14-54MST

U GB 05-12 00152 BH261

a a b

Mahathir - MIC 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata, masyarakat India Malaysia mestiterus bersatu di bawah RN untuk kepentingan mereka sendiri.

+Pada hari ini, walaupun bilangan penduduk India kecil berbanding dengan kaum bumiputera, suara mereka kedengaran kuat dan jelas dan parti itu dianggap sebagai rakan setara dalam BN, katanya.

Dr Mahathir berkata, MIC telah memainkan peranan penting dalam menjaga hak kepentingan kaum India dan beliau berharap masyarakat India terus menyokong parti itu.

Perdana Menteri gembira melihat suasana dalam parti itu yang kini lebih tenang dan tenteram dan menyifatkan keadaan itu sebagai perkembangan baik bagi MIC dan masyarakat India.

+Saya gembira melihat MIC kini lebih kukuh dan stabil. Pertandingan merebut jawatan presiden parti tidak menjejaskan perpaduan dalam parti sebaliknya telah menjadikan ahli-ahlinya bertambah bersatu, katanya.

Lebih 1,300 perwakilan MIC menghadiri perhimpunan agung selama dua hari itu. -- Bernama

▼05/12/14-53MST